

HEP UMS jayakan 'Intercollege UMS'

NST 27.5.2016 6

KOTA KINABALU: Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) UMS telah menjayakan Pertandingan Intercollege di kampus induk Kota Kinabalu, Kampus Antarabangsa Labuan dan Kampus Sandakan.

Menurut Ketua Bahagian Kebudayaan dan Kesenian HEP, Alan James, program itu bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat mahasiswa bagi mewakili universiti ke peringkat yang lebih tinggi.

"Pertandingan ini dilaksanakan dalam empat kategori iaitu Tarian 1 Malaysia, Teater, Nasyid dan Lagu Asli, dan program ini dijangka akan menjadi acara tahunan universiti," katanya.

Pada pertandingan akhir intercollege yang berlangsung di Fakulti Pertanian Lestari (FPL), Kampus Sandakan baru-baru ini menyaksikan seramai 10 peserta dari setiap kolej kediaman bertanding bagi kategori Nyanyian Lagu Asli.

Johan kategori tersebut telah dimenangi peserta dari Kolej Kediaman Tun Fuad, Afiq Fauzi, sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai, trofi dan sijil.

Manakala peserta dari Kolej Kediaman Tun Fuad, Nur Farah Ain Donian dan Kolej Kediaman Tun Mustapha, Nor Amanina Karman masing-masing memenangi tempat kedua dan ketiga.

Penyampaian hadiah telah disempurnakan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Hadir sama Dekan FPL, Prof Dr Wan Mohamad Bin Wan Othman, Ketua Jabatan HEP, Azmi Jumat dan Penolong Pendaftar Kanan FPL, Roslan Gimba.



SAMPAIKAN... Dr. Ismail (tiga dari kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan